

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU  
DI KUALA TERENGGANU  
DI NEGERI TERENGGANU**

*Dalam Perkara Tuntutan Pengisytiharan Harta Mutlak*

**SAMAN NO: 11200-099-XXXX-2017**

**ANTARA**

XYXY

KP: 690218-11-XXXX

PLAINTIF

**DENGAN**

YYYY

KP: 730924-11-XXXX

DEFENDAN

**DI HADAPAN YANG ARIF**

**TUAN HAJI MOHD NAZRI BIN YUSOF, P.J.K**

**HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU**

**DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI RABU, 29 JAMADIL AKHIR 1440H**

**BERSAMAAN 6 MAC 2019**

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, tuntutan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dengan kehadiran Plaintiff XYXY (KP: 690218-11-XXXX) bersama-sama dengan peguam syariannya, Puan Salwa Binti Mansor dari Tetuan Ahmad Shahabuddin & Co yang beralamat penyampaian di No 304 & 305, Tingkat 3, Wisma Kokitab, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu. Manakala Defendan, YYYY (KP: 730924-11-XXXX) hadir bersama-sama dengan peguam syariannya, Puan Maryam Wafda Binti Kamilen dari Tetuan Musa Awang & Associates yang beralamat penyampaian di AC1-1A, Blok B, Jalan Plumbum AC&/AC, Pusat Komersial Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:**

## FAKTA DAN LATAR BELAKANG KES

1. Kes dihadapan saya ini adalah suatu Tuntutan Pengisytiharan Harta Mutlak yang dituntut oleh Plaintiff, XYXY terhadap bekas suaminya YYYY iaitu pihak Defendan. Tuntutan ini dibuat selepas berlakunya perceraian antara Plaintiff dan Defendan pada 20 Julai 2015 dengan sabitan berlakunya perceraian talaq satu kali pertama tanpa kebenaran Mahkamah. Plaintiff berkerja sebagai seorang peguam beralamat di XXX Jalan XXX, Kampung XXX, 24000 Kemaman Terengganu. Defendan pula bekerja di Kemaman Supply Base (KSB) dan beralamat penyampaian di Lot XXX, Jalan XXX, 24000 Kemaman, Terengganu.
2. Semasa perceraian, tiada sebarang perintah berhubungan dengan tuntutan ini dikeluarkan oleh mana-mana Mahkamah Syariah. Plaintiff telah memfailkan Tuntutan Pengisytiharan Harta Mutlak pada 23 Mei 2017 dan dalam Pernyataan Tuntutannya, Plaintiff menuntut untuk mengesahkan hartanah sebagaimana berikut sebagai harta milikan tunggal:
  - i. Hartanah yang berketerangan HSM XXX Lot XXX Mukim Cukai dan bangunan rumah kedai dua (2) tingkat di atasnya (“hartanah tersebut”).
3. Pihak Plaintiff mendakwa bahawa hartanah tersebut telah dibeli oleh Plaintiff semasa dalam tempoh perkahwinan Plaintiff dan Defendan. Pembelian hartanah tersebut dibuat pada 08 September 2008 dengan harga jual beli ketika itu bernilai RM418,000. Plaintiff dalam Pernyataan Tuntutannya juga mendakwa bahawa tiada langsung sumbangan daripada Defendan dalam usaha pemilikan hartanah tersebut.
4. Manakala di pihak Defendan pula, Defendan telah memfailkan Pembelaan dan Tuntutan Balas pada 06 November 2017. Dalam Pembelaan dan Tuntutan Balas tersebut, Defendan menafikan dakwaan Plaintiff dengan menyatakan bahawa hartanah tersebut merupakan salah satu daripada harta sepencarian yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan dan terdapat usaha dan sumbangan daripada Defendan

dalam perolehan hartanah tersebut. Defendan juga ada menyatakan tuntutan nya terhadap harta-harta lain sebagaimana berikut;

- i. Sebuah hartanah beralamat No. XXX Mukim XX, Kg XXX, Daerah Kemaman, Terengganu.
  - ii. Sebuah hartanah yang dikenali sebagai alamat PT XXX Jalan Tembesu, Mak Cili, 24000, Kemaman Terengganu.
  - iii. Sebuah kereta Mitsubishi Pajero 2.5, No. Pendaftaran XXX.
5. Namun dalam Nota Keterangan halaman ke-6 pihak Defendan menggugurkan tuntutan balas dengan niat untuk memfailkan tuntutan bagi harta-harta tersebut secara berasingan di bawah Seksyen 59 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.
6. Sebelum meneliti isu-isu yang timbul dalam kes ini, adalah menjadi suatu perkara yang penting untuk memastikan sama ada Mahkamah berbidang kuasa untuk mendengar tuntutan ini atau tidak.

#### BIDANG KUASA MAHAKAMAH

7. Berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah untuk mendengar Tuntutan Pengisytiharan Harta Mutlak ini, Defendan menerusi hujahannya ada membangkitkan isu bidang kuasa. Namun, pada dasarnya menurut **Seksyen 11 (3)(b)(1)(2), Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001**, peruntukan tersebut ada menyatakan perihal bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah. Peruntukannya sebagaimana berikut:

*Mahkamah tinggi Syariah hendaklah:*

(a) .....

(b) *Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding*

*itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan-*

- (i) Pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;*
- (ii) Apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);*

8. Meskipun begitu, sebelum ini Mahkamah telah mengarahkan pihak Plaintiff untuk mengemukakan penghujahan kepada teras kepada penggunaan istilah Harta Mutlak dalam permohonan ini. Pihak Plaintiff perlu datangkan autoriti yang digunakan dalam permohonan Pengisytiharan Harta Mutlak. Apakah yang dimaksudkan dengan Harta Mutlak dan dari manakah datangnya istilah tersebut?
9. Ini bermaksud Mahkamah meminta pihak Plaintiff memberikan hujahan balas berkaitan isu bidang kuasa yang ditimbulkan oleh pihak Defendan dengan memberi pencerahan yang lebih terperinci berkaitan istilah 'Harta Mutlak' yang digunakan oleh pihak Plaintiff dalam kes ini. Setelah mendapat maklum balas daripada pihak Plaintiff berkaitan isu ini, barulah Mahkamah boleh memutuskan sama ada Mahkamah berbidang kuasa atau tidak dalam mendengar dan memutuskan tuntutan dalam kes ini.
10. Rentetan itu, pihak Plaintiff telah memasukkan Penghujahan Balas Bertulis pada 10 Februari 2019. Pihak Plaintiff dalam penghujahan balasnya langsung tidak memberikan penerangan yang terperinci berkaitan istilah 'Harta Mutlak' dan hanya menjawab berkaitan dengan peruntukan yang sudah sedia dinyatakan dalam Penghujahan Bertulis. Mahkamah sebenarnya ingin mengetahui dengan lebih terperinci dari manakah datangnya istilah tersebut, sekiranya dirujuk daripada Hukum Syarak, pihak Plaintiff seharusnya membawakan dalil-dalil atau autoriti yang berkaitan yang menjadi asas dan rujukan kepada permohonan ini. Kegagalan pihak

Plaintif boleh ditafsirkan sebagai membuat permohonan tanpa asas yang kukuh dan munasabah.

11. Apabila menyentuh persoalan bidang kuasa, isu yang timbul adalah apakah yang dimaksudkan dengan bidang kuasa Mahkamah? Mahkamah ingin menegaskan bahawa perundangan Islam serta Hukum Syarak telah banyak memberi penjelasan yang mendalam mengenai isu bidang kuasa Mahkamah. Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul *Al-Qada' fil Islam*, terbitan Matbaah Al'Aalamiyah, Kaherah, 1964, halaman 54 menjelaskan bahawa:

هو أنيخصصولى الأمر القاضى عند تقليده القضاء أو بعد ذلك بنوع معين من القضايا، كالأحو  
الا لشخصية، أو المدانى، أو التجارى، أو الجنائى لى غير ذلك، فلا يصلحه أنينظر قنو عاخر  
غيره

Bermaksud: “*Bidangkuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidang kuasa ke atas seseorang Hakim semasa pelantikan Hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa Hakim itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian Hakim hanya berbidang kuasa bagi kes-kes yang diberi bidang kuasa kepadanya sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidang kuasa lain yang tidak diberikan kepadanya.*”

12. Dr. Abdul Karim Zaidan pula dalam kitabnya *Nizam al-Qada' fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, cetakan ketiga, 1418H / 1997M, terbitan Muassah al-Risalah, Beirut, Lebanon, halaman 39 menjelaskan bahawa:

أما إذا عين الخليفة قاضيا بقبود معينة من حيث المكان أو الزمان أو نوع الخصومات أو نوع  
الخصوم فتقلد القضاء لهذا القضي في هذه الحالة هو تقلد خاص

Bermaksud: “*Dan apabila khalifah menentukan seorang qadi dengan had-had tertentu seperti had tempat atau masa atau jenis kes pertikaian atau jenis pihak-pihak bertikai, maka taqlid kehakiman bagi hakim tersebut adalah taqlid khas.*”

13. Petikan dari kitab ini menghuraikan bahawa seseorang Hakim itu adalah merupakan naib khalifah kepada khalifah (penguasa negara) yang melantiknya. Sebagai naib khalifah, kuasa yang diperolehinya adalah setakat yang diberi mandat kepadanya. Dari sinilah bidang kuasa seseorang Hakim itu menerima *taqyid* (pembatasan), *itlaq* (tanpa had), umum dan khusus dari segi masa, tempat pihak yang bertikai dan jenis-jenis pertikaian. Para fuqaha menggunakan istilah *at-taqlid al-‘am wa at-taqlid al-khas* bagi menunjukkan bidang kuasa seseorang Hakim.
14. Apabila khalifah melantik seseorang sebagai Hakim untuk satu-satu daerah bagi menghakimi penduduknya dalam semua jenis pertikaian sama ada sivil mahupun jenayah dalam semua waktu, maka Hakim yang sebegini lantikannya mempunyai bidang kuasa umum. Apabila khalifah melantik seseorang Hakim dengan beberapa ikatan tertentu dari segi tempat, masa, jenis-jenis kes dan pertikaian atau jenis-jenis orang yang bertikai, maka Hakim yang sebegini lantikannya mempunyai bidang kuasa khas atau tertentu. Pembatasan kuasa Hakim yang dilantik dalam bentuk tertentu sebegini dikenali dalam kalangan fuqaha dengan istilah *takhsis al-qada’* (تخصيص القضاء)
15. Menurut Hukum Syarak sebagaimana yang dinyatakan, situasi di Malaysia khususnya di Negeri Terengganu, undang-undang negeri telah memperuntukkan bidang kuasa yang diberikan oleh pemerintah kepada Mahkamah-mahkamah Syariah. Bidang kuasa yang diperuntukkan itu juga diambil dari peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Jadual Kesembilan, Senarai (2), Butiran (1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:
  1. *Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak yang*

*berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.*

16. Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan ini, di dalam undang-undang negeri telah menjelaskan bidang kuasa sesuatu Mahkamah, khususnya bidang kuasa Mahkamah Syariah.
17. Manakala Seksyen 11 (3)(b)(i) dan (ii) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang dirujuk oleh pihak Plaintiff adalah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah secara umum, yang langsung tidak menyebut bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu untuk memutuskan tuntutan berhubung Harta Mutlak sebagaimana yang didakwa oleh pihak Plaintiff. Subseksyen 11 (3)(b)(ii) memperuntukkan, “apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada

mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i).” Tiada peruntukan “Harta Mutlak” disebut dalam subsekyen tersebut. Mahkamah juga berpendapat bahawa “apa-apa tuntutan harta yang berbangkit” daripada “pertunangan, perkahwinan, ruju’, perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara isteri” dalam subseksyen (ii) tersebut juga tidak menyebut peruntukan berkenaan “Harta Mutlak”.

18. Merujuk kepada Seksyen 2 (Tafsiran) dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 juga tiada peruntukan berkaitan Harta Mutlak. Peruntukan yang ada hanyalah peruntukan berkenaan Harta Sepencarian. “Harta Sepencarian” ertinya harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak.
19. Mahkamah hanya boleh mendengar permohonan atau tuntutan yang selari dengan Hukum Syarak atau peruntukan undang-undang. Tanpa sokongan daripada Hukum Syarak dan undang-undang, sesuatu tuntutan adalah tidak wajar diputuskan oleh Mahkamah. Oleh itu, Mahkamah menyatakan dan berpendapat bahawa Mahkamah tidak berbidang kuasa untuk mendengar Tuntutan Pengisytiharan Harta Mutlak oleh kerana tiadanya autoriti yang kukuh untuk menguatkan teras kepada tuntutan ini.

Pada peringkat awal alasan penghakiman ini, Mahkamah ingin menegur beberapa perkara yang di dalam prosiding ini telah dilakukan oleh pihak-pihak.

20. **Teguran pertama** ini ditujukan kepada pihak Plaintiff. Dokumen yang dirujuk dalam Hujahan Plaintiff masih lagi berstatus ‘ID’ sedangkan Plaintiff selaku Peguam Syarie sepatutnya mengetahui kesan penandaan berstatus ‘ID’ ini. Malahan Plaintiff iaitu juga sebagai seorang peguam syarie yang senior dan juga telah diwakili oleh seorang Peguam Syarie yang juga berstatus senior yang sudah lama berkecimpung dalam dunia kepeguaman. Sudah pasti pihak Plaintiff khususnya mengetahui bahawa mana-mana dokumen yang masih ditandakan sebagai ‘ID’ tidak boleh dirujuk sebagai suatu dokumen yang boleh dianggap sebagai bukti dalam sesuatu kes.



21. Mahkamah merujuk kepada Hujahan Plaintiff pada halaman ke-11 dan ke-12, Plaintiff dalam hujahan tersebut menggunakan dokumen-dokumen yang bertanda Ekshibit ID 1, ID 3, ID 4, ID 5, ID 9 dan ID 10 dan ID 13. Malahan, dokumen-dokumen tersebut dilihat sebagai dokumen untuk pembuktian yang amat penting untuk Mahkamah putuskan sama ada untuk mensabitkan harta yang dipertikai ataupun tidak. Mahkamah menganggap dokumen-dokumen yang berstatus 'ID' wajar untuk diragui ketulenannya sehinggalah pihak Plaintiff menukar penandaan dokumen tersebut kepada 'P'. Mahkamah amat terkilan dengan situasi ini dan sepatutnya tidak berlaku dalam sesebuah kes yang dibawa oleh seorang peguam syarie yang telah lama praktis dalam bidang guaman syariah.
22. Dalam kes *Chong Khee Sang v Pang Ah Chee* [1984] 1 MLJ 337 isu berkaitan beban pembuktian ke atas dokumen yang hendak dikemukakan oleh plaintiff sebagai eksibit bagi menyokong tuntutan plaintiff dalam kes tersebut telah dibincangkan dan Y.A. Shankar J. yang memutuskan seperti berikut:
- “A document cannot be admitted into evidence and marked as such until it has been properly proved.”*
23. Ini bermaksud sesuatu dokumen itu tidak boleh diakui sebagai keterangan dan ditandakan sehinggalah dibuktikan.
24. Seksyen 125, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan:
- (1) *Dokumen atau ekshibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan dan diterima hendaklah ditanda dan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, dokumen atau ekshibit itu atau selain dokumen atau ekshibit itu hendaklah disimpan di dalam Mahkamah sementara menanti prosiding itu berakhir dan sehingga habis tempoh masa rayuan.*

(2) *Bagi maksud pengenalpastian, hendaklah juga ditanda sesuatu dokumen atau ekshibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan tetapi telah ditolak.*

25. Tambahan pula, Seksyen 49, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 ada memperuntukkan berkenaan **keterangan primer** sebagaimana berikut:

*Keterangan Primer*

*49. Keterangan primer ertinya dokumen itu sendiri yang dikemukakan untuk pemeriksaan Mahkamah.*

26. Tujuan Mahkamah menegur pihak-pihak pada penghakiman ini supaya pihak-pihak tidak bertindak sambil lewa dan mengulangi kesilapan yang sama ketika membawa kes-kes lain di Mahkamah kelak. Hal ini kerana perkara ini melibatkan prosedur dan mempunyai kesan yang besar disebalik kegagalan pihak-pihak mematuhi segala prosedur perundangan. Tambahan pula, Mahkamah tidak bertanggung sekiranya pihak-pihak tidak berpuas hati dengan keputusan yang bakal diputuskan oleh Mahkamah ekoran ketidakpatuhan menukar penandaan 'ID' kepada 'P'. Mahkamah menegaskan sekali lagi bahawa kesan penandaan berstatus 'ID' amat berbeza berbanding dengan 'P' kerana penandaan berstatus 'ID' tidak boleh dikira sebagai satu keterangan seterusnya tidak boleh dirujuk dalam sesebuah kes.
27. **Teguran kedua** berkaitan dengan pihak Defendan yang membangkitkan isu bidang kuasa Mahkamah. Dalam Hujahan Bertulis Defendan, pihak Defendan ada menghujahkan bahawa Mahkamah tidak berbidang kuasa dalam memutuskan kes Tuntutan Pengisytiharan Harta Mutlak kerana tiada peruntukan yang menunjukkan dengan jelas tentang bidang kuasa Mahkamah dalam mendengar dan memutuskan kes yang berkaitan dengan Tuntutan Pengisytiharan Harta Mutlak ini. Sepatutnya, isu ini harus dibangkitkan pada peringkat awal lagi sejurus selepas kes ini difailkan atau sebelum perbicaraan bermula. Melihat kepada perjalanan kes yang sudah menghampiri peringkat akhir perbicaraan, Mahkamah merasakan bahawa adalah

menjadi suatu perkara yang tidak wajar dilakukan oleh pihak Defendan membangkitkan isu ini walhal Defendan diwakili oleh peguam syarie yang lazimnya mengetahui isu-isu dan bantahan yang seharusnya dibangkitkan terlebih dahulu sebelum prosiding bermula.

28. **Teguran ketiga** ialah berkenaan hujahan Plaintiff yang menyatakan Defendan hanyalah sebagai boneka dan tidak memberi sebarang manfaat dalam pemerolehan hartanah tersebut. Istilah boneka yang dirujuk oleh pihak Plaintiff iaitu mempergunakan nama Defendan hanya untuk mendapatkan tawaran dan kelulusan pinjaman bagi urusan pembelian hartanah tersebut. Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan tersebut sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Hujahan Bertulis Plaintiff pada halaman ke-16 kerana dilihat hujahan tersebut amat tidak wajar. Walaupun Defendan sebagaimana yang didakwa oleh pihak Plaintiff sebagai seorang yang langsung tidak memberi sebarang manfaat atau membantu Plaintiff dalam pemerolehan hartanah tersebut, namun harus diingat bahawa nama Defendan yang digunakan sehingga pinjaman yang dibuat dapat diluluskan oleh pihak bank termasuk dalam aspek sumbangan secara langsung.
29. Isu ini boleh juga dikaitkan dengan contoh situasi yang mana hanya terdapat satu nama pada geran hartanah namun pihak yang satu lagi mendakwa ada membuat bayaran sama ada bayaran deposit mahupun bayaran bulanan tanpa mendatangkan sebarang bukti yang boleh diterima oleh Mahkamah. Oleh itu, tanpa pembuktian yang relevan, Mahkamah akan memutuskan bahawa harta yang dituntut tersebut sebagai harta milikan tunggal walaupun pada hakikatnya sebaliknya berlaku. Hal ini kerana, pada zahirnya hanya terdapat satu nama pada geran harta tersebut. Begitu juga dalam kes ini kerana pada zahirnya dan secara bertulisnya hartanah tersebut dimiliki oleh dua penama. Oleh itu, adalah menjadi suatu perkara yang mustahil bagi Mahkamah untuk mengisytiharkan harta yang pada gerannya mempunyai dua nama sebagai harta milikan tunggal sedangkan terdapat keterangan yang menunjukkan pihak yang satu lagi ada memberi sumbangan dalam perolehan harta tersebut.

30. **Teguran keempat** berkaitan pihak-pihak yang meminta Mahkamah untuk mendapatkan tarikh perbicaraan yang lain untuk membawa saksi-saksi ke mahkamah bagi mengukuhkan pembuktian namun saksi-saksi tidak dibawa ke Mahkamah seperti yang dijanjikan. Saksi-saksi yang terlibat seperti pegawai bank dari CIMB iaitu Encik Roslan dan En Shahbuddin dari Maybank Islamic Berhad tidak dipanggil untuk memberikan keterangan walaupun nama-nama tersebut disebut-sebut dalam keterangan Plaintiff. Pihak-pihak seharusnya faham dengan jelas bahawa beban pembuktian adalah di atas pihak yang mendakwa. Oleh itu, pihak Plaintiff hendaklah mengemukakan saksi bagi mengukuhkan lagi keterangan yang telah dinyatakan kepada mahkamah dalam perbicaraan.
31. Walaupun kebanyakan daripada dalil-dalil Harta Sepencarian sering menyebut tentang wanita, namun perkara ini tetap terpakai kepada lelaki iaitu bekas suami kerana mereka juga berhak untuk membuat Tuntutan Harta Sepencarian bagi harta-harta yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan. Hal ini kerana, menerusi peruntukan yang berkaitan dengan Harta Sepencarian tiada satupun perkataan yang menyatakan Harta Sepencarian hanya boleh dituntut oleh wanita. Mahkamah bawakan dalil yang ditujukan secara umum berkaitan larangan mengambil harta orang lain. Allah SWT berfirman dalam al-Quran sebagaimana berikut:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْخِلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنتُمْ  
تَعْلَمُونَ ١٨٨

*Terjemahannya: “Dan janganlah sebagai kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui”*

*(Surah al-Baqarah: Ayat 188)*

32. Adalah menjadi suatu kesalahan yang besar sekiranya memakan harta yang menjadi milik dan hak orang lain. Berkaitan dengan kes ini, sekiranya Plaintiff membuat dakwaan yang benar, sudah menjadi tanggungjawab Plaintiff untuk mengemukakan

bukti bahawa harta tersebut sepenuhnya milik Plaintiff tanpa mengeneipkan prinsip-prinsip Harta Sepencarian dalam Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang.

33. **Teguran kelima** ini untuk Defendan. Teguran ini berkaitan pembuktian yang perlu dikemukakan bagi membuktikan takat sumbangannya dalam perolehan hartanah tersebut bagi harta-harta yang dituntut dalam Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan. Sekiranya hanya bergantung kepada keterangan Defendan semata tanpa pembuktian yang lain untuk mengukuhkan keterangan tersebut, adalah sukar untuk Mahkamah menerima keterangan Defendan tersebut.
34. Selain itu, terdapat beberapa isu timbul apabila Defendan memfailkan tuntutan balasnya. Tuntutan balas Defendan adalah melibatkan harta-harta lain yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan pihak-pihak. Mahkamah merasakan bahawa adalah seeloknya hartanah-hartanah lain yang dituntut oleh Defendan dalam tuntutan balas dibicarakan dalam satu kes yang berasingan kerana terdapat satu peruntukan yang melibatkan tuntutan Harta Sepencarian dalam **Seksyen 59, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017**. Seksyen tersebut memperuntukkan:
- (1) *Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*
- (2) *Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang:*
- (a) *takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;*

*(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka; dan*

*(c) keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu,*

*dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah membuat pembahagian yang sama banyak.*

*(3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi, dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*

*(4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-*

*(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga.*

*(b) keperluan-keperluan anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,*

*dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah tetapi, walau bagaimanapun, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.*

*(5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi atau dengan usaha bersama mereka.*

35. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat bahawa sepatutnya tuntutan yang perlu dibuat oleh pihak-pihak berkaitan harta-harta yang wujud dalam tempoh perkahwinan ialah Tuntutan Harta Sepencarian. Hal ini kerana, walaupun dimulakan dengan Tuntutan Harta Sepencarian, pihak Plaintiff dalam kes ini masih boleh membangkitkan isu-isu yang berkaitan harta milikan tunggal dengan membawakan pembuktian yang kukuh sebelum mahkamah mengisytiharkan sesuatu harta itu, sama ada sebagai harta milikan tunggal ataupun sebaliknya. Sekiranya harta yang dituntut didakwa sebagai harta milikan tunggal Plaintiff berdasarkan sumbangan Plaintiff secara bersendirian, maka Mahkamah akan memutuskan sedemikian. Namun, sekiranya perolehan harta tersebut melibatkan sumbangan pihak Defendan sama ada sebanyak 20%, 50% ataupun 70%, maka Mahkamah perlu memutuskan berdasarkan takat sumbangan yang telah diberikan oleh pihak Defendan. Sumbangan yang wujud walaupun sedikit akan memberi kesan kepada status milikan harta tersebut dan secara tidak langsung menolak dakwaan pihak Plaintiff yang menegaskan bahawa harta tersebut sebagai harta mutlak.
36. Adalah seeloknya sekiranya pihak-pihak menggunakan jalur perundangan yang sudah sedia jelas dalam perundangan dan sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat. Tambahan pula, natijah kepada tuntutan yang dibuat menerusi tuntutan dalam kes ini adalah sama dengan tuntutan yang biasa dibuat oleh pihak-pihak bertikai yang lain di luar sana. Mahkamah sekali lagi ingin menegaskan bahawa Harta Sepencarian adalah harta yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan. Walaupun Plaintiff dalam dakwaannya menyatakan bahawa pemilikan harta tersebut hanya melibatkan usaha dan sumbangannya sahaja, namun Mahkamah masih perlu melihat takat sumbangan pihak-pihak.
37. Tambahan pula, nama Defendan terdapat dalam surat cara, geran hak milik serta pembiayaan pinjaman dari Maybank Islamic Berhad. Kesannya, liabiliti secara tidak langsung ditanggung oleh pihak Defendan. Meskipun begitu, Mahkamah mendapati bahawa Defendan tidak menafikan bahawa takat sumbangan daripada Plaintiff adalah lebih. Perkara tersebut dinyatakan oleh pihak Defendan dalam pembelaan dan

tuntutan balas pada halaman ke-3. Defendan ada menyatakan bahawa “disebabkan mempunyai komitmen pinjaman bank untuk hartanah tersebut, Defendan tidak dapat membeli apa-apa rumah atau harta lain walaupun setelah bercerai dengan Plaintiff.”

#### ISU BERKAITAN FAKTA PERSOALAN UTAMA

38. Mahkamah berpendapat terdapat dua (2) isu utama yang menjadi fakta persoalan yang perlu diputuskan sebelum apa-apa keputusan seterusnya boleh diteruskan iaitu;

Pertama : Apakah harta-harta yang menjadi isu dalam tuntutan ini adalah Harta Sepencarian iaitu harta yang diperolehi atau harta yang dibangunkan dalam masa perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan?

Kedua : Sama ada wujud atau tidak sumbangan secara langsung mahupun secara tidak langsung oleh pihak-pihak dan berapa banyakkah takat sumbangan masing-masing?

39. Berhubung *fakta persoalan pertama*, sebelum Mahkamah boleh membuat penentuan sabitan sesuatu harta yang dituntut itu adalah harta sepencarian atau sebaliknya, Mahkamah perlu terlebih dahulu melihat apakah yang dimaksudkan dengan Harta Sepencarian mengikut Hukum Syarak dan juga undang-undang yang sedang berkuatkuasa pada masa kini. Harta sepencarian merupakan salah satu tuntutan yang begitu popular di kalangan masyarakat Melayu. Hal ini kerana tuntutan harta sepencarian bersifat harta termasuk harta boleh alih dan harta tidak boleh alih. Harta sepencarian diistilahkan sebagai البيت متاع (perkakas rumah), مال الزوجين (harta suami isteri). Tafsiran ini berdasarkan kepada perbincangan kitab-kitab fiqh yang mana perbincangannya tertumpu kepada harta-harta seperti rumah, perkakas rumah dan kenderaan sahaja.



40. Merujuk kepada Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 mentakrifkan harta sepencarian sebagai :

*“Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak.”*

41. Peruntukan seksyen 59 Enakmen yang sama seperti yang telah dinyatakan di atas menghuraikan lagi makna Harta Sepencarian mengikut undang-undang. Peruntukan seksyen 59 ini perlu dibaca bersama dengan tafsiran berkanun "*Harta Sepencarian*" sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 2 di atas. Dengan ini dapat difahami bahawa takrifan harta sepencarian itu boleh wujud dalam tiga keadaan:

**Pertama:** Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha bersama pihak-pihak.

**Kedua:** Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu.

**Ketiga:** Aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama suami isteri.

42. Merujuk kepada kes *Hajah Lijah bte Jamal lwn Fatimah bte Mat Diah, (1981) 2(i) JH 84*, di mana pada tahun 1950, Hakim Briggs telah mentakrifkan harta sepencarian sebagai harta yang diperolehi dalam masa mereka hidup berkahwin sebagai suami isteri, hasil daripada daya mereka atau melalui usaha mereka bersama. Kemudian, dijelaskan lagi di dalam kes *Piah lwn Che Lah (1983) 3 JH 220*, Hakim Harussani dalam keputusannya : harta sepencarian ialah harta yang diperolehi secara bersama semasa suami isteri itu hidup bersama dan sama-sama berusaha terhadap harta tersebut sama ada kedua-dua pasangan itu sama-sama bekerja dalam bidang yang sama atau dalam bidang yang berlainan dan sama ada secara rasmi atau tidak

rasmi dan sama ada dibahagi-bahagikan tugas atau tidak. Maka perkara yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan kesemua tuntutan plaintif sebagai harta sepencarian, sama ada harta tersebut diperolehi dalam tempoh perkahwinan atau pun tidak. Perlu ditentukan juga bahawa harta-harta tersebut bukan harta pusaka, bukan harta milik peribadi dan bukan harta 'ikhtiladh' (bercampur).

43. Dari segi syarak sekali lagi Mahkamah merujuk kepada dalam kitab '*Al Um*', jilid kesepuluh, cetakan Darul Qutaibah, Beirut, Labenon, cet. 1 , 1996, halaman 328:

قال الشافعي رحمه الله تعالى اذا اختلف الرجل والمرأة في متاع البيت الذي هما فيه ساكنان وقد افترقا أو لم يفترقا أو ماتا أحدهما فاختلف ورثتهما أو ورثة أحدهما بعد موته فذلك كله سواء .

Yang bermaksud :

*Imam Syafie telah berkata, "Apabila berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah ( bercerai ); atau sekali pun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia; yang mana dalam keadaan kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa..."*

44. Berdasarkan kepada Pernyataan Tuntutan Plaintif dan Pernyataan Pembelaan Defendan dan hujah-hujah kedua-dua belah pihak, dan fakta-fakta yang tidak dipertikai oleh kedua-dua pihak bahawa Plaintif dan Defendan telah berkahwin mengikut Hukum Syarak pada 25 Disember 2005 dan telah bercerai talak satu kali pertama pada 20 Julai 2015 tanpa kebenaran Mahkamah. Bagi menentukan sama ada aset yang dituntut itu adalah merupakan harta sepencarian atau tidak, Mahkamah akan meneliti aset tersebut yang menjadi pertikaian antara Plaintif dan Defendan dan persoalan ini akan dikupas dalam penghakiman ini nanti.

Seterusnya berhubung *fakta persoalan kedua*, iaitu berkenaan bagaimanakah sumbangan pihak-pihak ini, ditentukan oleh Mahkamah, sama ada wujud atau tidak sumbangan secara langsung mahupun secara tidak langsung oleh pihak-pihak dan berapa banyakkah takat sumbangan masing-masing? Dalam perkara ini, berdasarkan kepada Hukum Syara' dan Undang-Undang yang berkuatkuasa, Mahkamah melihat kepada tiga asas untuk membuat penentuan bahagian terhadap Harta sepencarian iaitu :

- 1) Sumbangan kedua-dua pihak iaitu Plaintiff dan Defendan dalam mendapatkan harta-harta tersebut (wujud sumbangan atau tidak)
- 2) Takat sumbangan Plaintiff dan Defendan dalam mendapatkan harta-harta tersebut
- 3) Beban bukti oleh Plaintiff dan Defendan dalam mendapatkan harta-harta tersebut

45. *Asas Penentuan Pertama*, Mahkamah melihat kepada sumbangan pihak-pihak terhadap harta yang dituntut iaitu samada wujud sumbangan atau tidak sesuatu sumbangan terhadap harta sepencarian itu boleh dilihat menerusi sumbangan secara langsung atau tidak langsung. Sumbangan secara langsung adalah apabila suami dan isteri sama-sama bekerja dan berusaha untuk mendapatkan pemilikan suatu harta atau aset. Manakala sumbangan secara tidak langsung adalah sumbangan yang dibuat oleh pasangan suami isteri tanpa melibatkan sumbangan yang dapat secara hakiki seperti ketaatan seorang isteri menguruskan rumahtangga dan dorongan seorang isteri yang membolehkan suaminya berjaya dalam kerjanya.

46. Mengenai sumbangan ini, syarak telah mengiktiraf harta yang diperolehi melalui sumbangan dan usaha sama ada dari pihak lelaki mahupun dari pihak perempuan sebagaimana yang disebut di dalam Al-Quran, Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Nisa' ayat 32:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهٖ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَتَبْنَا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا  
 كَتَبْنَا وَسَوَّوْا ۗ لِّلَّهِ مِنْ فَضْلِهٖ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ۝ ٣٢

Yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran), (kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka usaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

47. Seterusnya dalam Surah al Baqarah ayat 228, Allah S.W.T berfirman :

...وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٢٢٨

Yang bermaksud :

“... Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) Dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); Dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

48. Sayed Sabiq pula dalam kitabnya, ‘Fiqh al Sunnah’ terbitan 1981, cetakan Dar al Fikr, Beirut, jilid 3 halaman 174, menjelaskan bahawa :

والأساس الذي وضعه الإسلام للتعامل بين الزوجين وتنظيم الحياة بينهما – وهو أساس الفطرى وطبعى. فالرجل أقدر على العمل والكدح والكسب خارج المنزل ، والمرأة أقدر على تدبير المنزل ، وتربية الأولاد ، وتيسير أسباب الراحة البيئية ، الطمأنينة المنزلية ، فيكلف الرجل ما هو مناسب له ، وتكلف ما هو من طبيعتها ، وبهذا ينتظم البيت من ناحية الداخل والخارج دون أن يجد أي واحد من الزوجين سببا من أسباب انقسام البيت على نفسه

Terjemahan :

*“Dasar yang ditetapkan oleh Islam dalam mengatur dan menguruskan kehidupan suami isteri adalah merupakan suatu dasar yang sesuai dengan fitrah dan tabiat manusia itu sendiri. Lelaki lebih mampu bekerja, bersungguh-sungguh berusaha dan mencari pendapatan di luar rumah, manakala perempuan lebih mampu menguruskan rumah tangga, mendidik anak-anak, menjadikan suasana rumahtangga menyenangkan dan penuh ketenteraman. Oleh kerana itu ditugaskan kepada lelaki kerja-kerja yang sesuai dengan fitrahnya, manakala ditugaskan kepada perempuan dengan tanggungjawab yang sesuai dengan fitrahnya. Dengan yang demikian, rumahtangga dapat tersusun dengan baik sama ada di dalam atau di luar sehingga tidak mendapati salah seorang daripada suami atau isteri faktor daripada faktor-faktor yang boleh memecah belahkan rumahtangga tersebut.”*

49. Sayed Sabiq seterusnya membawa contoh Rasulullah s.a.w telah membuat hukuman di antara Saidina Ali (r.a) dengan isterinya Fatimah (r.a.h) di mana Rasulullah s.a.w memutuskan ke atas Ali berusaha dan bekerja di luar rumah manakala Fatimah bertugas atau menjalankan pekerjaan di rumah.

وقد حكم رسول الله صلى الله عليه وسلم بين علي بن أبي طالب - رضي الله عنه - وبين زوجته فاطمة - رضي عنها - فجعل علي فاطمة خدمة البيت ، وجعل علي العمل والكسب

Bermaksud :

*“Rasulullah s.a.w telah membuat hukuman di antara Ali bin Abi Talib r.a dan isterinya, Fatimah r.a iaitu dipertanggungjawabkan ke atas Fatimah melaksanakan kerja-kerja di rumah manakala Ali pula diberi tanggungjawab bekerja dan berusaha mencari nafkah penghidupan.”*

50. Pendapat ahli perundangan Islam sebagaimana yang disebut di atas, sekiranya dilihat kepada kes-kes tempatan Malaysia, sudah tentu kita akan menemui bahawa telah ada keputusan Yang Arif Hakim mengenainya. Merujuk kepada kes *Noor Bee Iwn Ahmad Shanusi JH (1401H) 63*, Yang Arif Tuan Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadi Besar Negeri Pulau Pinang pada masa itu, antara lain telah berpendapat;

*“Harta sepencarian diluluskan oleh syarak atas dasar khidmat dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumah tangga suami keluar mencari nafkah. Isteri, menurut syarak berhak mendapat orang gaji dalam mengurus rumah tangga, jika tidak maka kerja memasak, membasuh dan mengurus rumah hendaklah dianggap sebagai sebahagian dari kerja yang mengurangkan tanggungan suami.”*

51. Kemudian merujuk kepada kes ***Yang Chik binti Hashim lawan Abdul Jamal bin Abdul Rahim, JH [1409] 146***. Dalam kes ini Yang Arif Dato’ Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, pada masa itu Kadi Besar Mahkamah Kadi Besar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, antara lain berpendapat;
- “Konsep harta sepencarian ialah harta yang diperolehi semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbangkan tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta.”***
52. Oleh itu, dalam penyelesaian harta sepencarian, mesti ada sumbangan dari kedua-dua pihak suami dan isteri, sama ada sumbangan secara langsung atau secara tidak langsung. Dengan dibuktikan wujudnya sumbangan tersebut, barulah pihak-pihak yang berkenaan layak dan berhak ke atas harta yang dituntut sebagai harta sepencarian. Dalam kes dihadapan saya ini, berdasarkan kepada keterangan kedua-dua pihak bahawa kedua-dua pihak ada sumbangan secara langsung terhadap perolehan harta yang dipertikaikan tersebut.
53. ***Asas Penentuan Kedua***, Mahkamah melihat kepada bahagian atau takat sumbangan pihak-pihak dalam memperolehi harta-harta tersebut. Perkara ini merujuk kepada bahagian atau takat sumbangan pihak-pihak dalam Tuntutan Harta Sepencarian, iaitu sama ada satu pertiga atau setengah atau sebagainya. Dalam membuat penentuan ini, Mahkamah mengambil kira sumbangan sebenar secara langsung atau tidak langsung kedua-dua belah pihak dalam usaha memperolehi harta tersebut. Ini penting demi menepati kehendak keadilan pembahagian yang dikehendaki. Sesungguhnya mengambil harta orang lain secara batil adalah dilarang sama sekali dalam Islam. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 188 :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ١٨٨

Yang bermaksud :

*“Dan janganlah sebahagian kamu makan (atau mengambil) harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”*

54. Maksim feqah juga turut menyentuh soal yang sama antaranya ialah :

لا يجوز لأحد أن يأخذ مال أحد بلا سبب شرعى

Terjemahan :

*Tidak wajar (harus) bagi mana-mana individu mengambil harta benda seorang individu lain tanpa cara (sebab) yang dibenarkan oleh syarak.*

55. Kaedah umum yang digunakan bagi membahagikan harta sepencarian adalah sama bagi setiap negeri iaitu mahkamah membahagikan harta tersebut mengikut takat sumbangan yang telah dibuat oleh setiap pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperolehi aset-aset tersebut dan takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset-aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga.

56. Berdasarkan Surah al-Nisa’ ayat 32, Allah S.W.T berfirman :

... لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَتَبُوا<sup>ط</sup> وَاللِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَتَبْنَ<sup>ن</sup> ...

Yang Bermaksud :

*“...Orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan...”*

Dalam menentukan pembahagian harta sepencarian ini, terdapat beberapa perkara yang perlu dibuat pertimbangan antaranya:

- 1) Sama ada harta yang diperolehi bersama itu benar-benar hasil usaha kedua suami isteri itu.
- 2) Jika ia hasil kedua-dua, berapakah kadar sumbangan setiap mereka, adakah 50-50.
- 3) Jika harta itu diperolehi bersama tetapi sumbangan salah satu pihak lebih besar daripada sumbangan pihak yang lain penentuan kadar patut dibuat sama ada 60%, 40%, 70%, 30% atau sebagainya.
- 4) Sama ada sumbangan kedua-dua pihak merupakan sebahagian daripada modal untuk mendapat sesuatu harta seperti pembelian rumah melalui pinjaman kerajaan atau bank. Maka penentuan sumbangan masing-masing harus dibuat.

57. Merujuk kepada kes *Norsiah Arshad lwn Marsum Paing (2005) 1 CLJ (SYA)*, dalam kes ini Yang Arif Hakim Dato' Zohdi Toha telah memberi penghakiman bahawa, "sekali pun plaintif tidak mengeluarkan atau menyumbangkan wang ringgit untuk pembelian harta-harta yang dituntut untuk diisytiharkan sebagai harta sepencarian tetapi telah wujud sumbangan moral atau tidak langsung dimana plaintif ada menaip kad-kad jemputan dan hari raya serta lain-lain sedikit sebanyak membantu defendan dalam kerjayanya sebagai sebagai seorang kontraktor yang berjaya. Yang Arif Hakim telah membuat keputusan bahawa harta-harta yang dituntut hendaklah dibahagi 1/3 kepada plaintif. Kemudian dalam kes, *Haminahbe lwn Samsudin (1979) 1 JH (2) 71*, Kadhi Besar, Pulau Pinang, Haji Harussani bin Haji Zakaria telah berkata ;

*'Haminahbe bt. Hassan sepanjang perkahwinan dengan Samsudin bin Hasain telah berlaku sebagai isteri dan telah membuat kerja-kerja yang lazim dilakukan oleh seorang isteri dengan sepenuhnya tanpa mendapat pertolongan dari orang gaji, maka itu segala penghasilan sepanjang hidup perkongsian bolehlah dianggap hasil bersama. Kerja-kerja yang dilakukan oleh seorang isteri yang tidak dibantu oleh orang gaji sekurang-kurangnya telah meringankan beban si suami setidaknya sepertiga dari tanggungannya'.*



58. Dalam kes ini, Mahkamah telah memutuskan sebuah rumah yang diperolehi di dalam perkahwinan itu dibahagi dua dengan nilai wang sebanyak \$7000 iaitu seorang \$3500.

Dengan ini berdasarkan pengiktirafan Islam terhadap sumbangan suami isteri sebagaimana yang termaktub dalam Al Quran dan mengikut pandangan sebahagian daripada ahli perundangan Islam silam dan kes-kes tempatan yang dirujuk, jelas bahawa tuntutan harta sepencarian dalam masa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak adalah menepati Hukum Syarak.

59. Oleh itu, dalam penyelesaian harta sepencarian, Mahkamah mesti melihat kepada takat sumbangan dari kedua-dua pihak suami dan isteri, samada sumbangan tersebut secara wang, usaha, material, iaitu berapa banyakkah sumbangan masing-masing kepada perolehan harta-harta itu. Dalam kes dihadapan saya ini, saya berpuashati berdasarkan kepada keterangan kedua-dua pihak dan tidak dipertikaikan dalam perolehan tanah, bahawa kedua-dua pihak ada membuat sumbangan dan takat sumbangan tersebut berbeza jumlahnya dan dikemukakan keterangan dan pembuktiannya semasa bicara.

60. *Asas Penentuan Ketiga*, beban bukti dalam membuat tuntutan terhadap Harta Sepencarian - perkara ini merujuk kepada beban membuktikan kes dan beban mengemukakan keterangan. Untuk itu Plaintif bertanggungjawab memikul beban pembuktian. Mengenai beban membuktikan kes, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 fasal 73 ada memperuntukkan;

(1) *Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.*

(2) *Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.*

61. Fasal ini memperuntukkan bahawa beban membuktikan fakta atau kes terletak ke atas pihak yang inginkan Mahkamah memberi penghakiman ke atas apa-apa hak atau liabiliti sepertimana mengikut fakta-fakta yang ditegaskan olehnya. Beban membuktikan fakta atau kes ini berkait pula dengan beban mengemukakan keterangan.
62. Beban mengemukakan keterangan pula merujuk kepada tanggungjawab mengemukakan keterangan di dalam menyempurnakan beban membuktikan fakta atau kes. Beban mengemukakan keterangan berbeza dengan beban membuktikan kes, dan beban mengemukakan keterangan ini akan berubah di dalam sesuatu perbicaraan mengikut peringkat, keterangan dan perkembangan perbicaraan sewajarnya. Fasal 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001, memperuntukkan ;  
*Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta ( al-Mudda'ii ) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta ( al-Mudda'a'alaih ).*
63. Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001 memberi pengertian “ keterangan ” termasuklah -  
 (a) *bayyinah dan syahadah ;*  
 (b) *segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan perkara-perkara fakta yang disiasat; pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;*  
 (c) *segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah; dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.*
64. Dari segi Hukum Syarak, beban bukti dalam membuat tuntutan telah dijelaskan melalui satu kes tuntutan harta yang telah dibawa ke hadapan Rasulullah S.A.W sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh ‘Alaqamah bin Wa-il bin Hujr daripada

bapanya yang berkata, sebagaimana telah dimuatkan di dalam Sunan At-Turmuzi, jilid 3, Matbaah Al-Babil Halabi, cet. 1, 1937, halaman 625 seperti berikut:

جَاءَ رَجُلٌ مِنْ حَضْرٍ مَوْتٍ وَرَجُلٌ مِنْ كِنْدَةَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ  
 الْحَضْرَمِيُّ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ هَذَا قَدْ غَلَبَنِي عَلَى أَرْضٍ كَانَتْ لِأَبِي ، فَقَالَ الْكِنْدِيُّ : هَذِهِ أَرْضِي  
 وَفِي يَدِي ، أزرعها ، مَا لَهُ فِيهَا حَقٌّ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلْحَضْرَمِيِّ : " أَلَيْكَ بَيِّنَةٌ ؟  
 " . قَالَ : لا ، قَالَ : " فَلَيْكَ يَمِينُهُ " . فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ يُبَالِي عَلَى مَا حَلَفَ عَلَيْهِ ، لَيْسَ  
 يَتَوَرَّعُ مِنْ شَيْءٍ ، قَالَ : " لَيْسَ لَكَ مِنْهُ إِلَّا ذَلِكَ "

Yang bermaksud :

*“Seorang lelaki dari Hadramaut dan seorang lelaki dari Kindah telah datang menemui Rasulullah S.A.W, lalu lelaki Hadramaut berkata, “ Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki ini (lelaki dari Kindah ini) telah mengambil tanah asalnya kepunyaan ayah saya,” Kemudian lelaki dari Kindah membalas dengan berkata, “Tanah itu adalah kepunyaan saya dan dia tidak berhak ke atas tanah itu.” Rasulullah S.A.W bertanya kepada lelaki Hadramaut, “Adakah kamu mempunyai bukti ?”Lelaki Hadramaut menjawab, “Tidak.”Rasulullah S.A.W bersabda kepada lelaki Kindah, “Kamu mesti bersumpah.” Mendengar sabda Rasulullah S.A.W itu lantas lelaki Hadramaut berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki dari Kindah ini buruk perangainya, dia tidak bertanggungjawab atas perkara yang disumpahkannya dan dia juga tidak menjaga dirinya dari sesuatu perkara,” lalu Rasulullah S.A.W. bersabda, “Kamu tiada pilihan lain melainkan melalui cara sedemikian.”*

65. Dalam kes dihadapan saya ini, saya berpendapat bahawa Plaintiff, XYYX hendaklah membuktikan fakta-fakta bahawa harta yang didakwa sebagai harta usaha tunggal. Manakala Defendan juga sekiranya menafikan dakwaan Plaintiff yang menyatakan bahawa hartanah tersebut sebagai harta usaha tunggal, perlu mendatangkan fakta-fakta bahawa harta tersebut merupakan Harta Sepencarian. Plaintiff hendaklah membuktikan bahawa harta yang dituntut merupakan usaha tunggal daripada Plaintiff semata. Namun begitu, ketika prosiding perbicaraan Plaintiff telah memberikan

keterangan yang menentang diri Plaintiff sendiri. Iqrar Plaintiff dalam keterangan telah mengesahkan bahawa terdapatnya sumbangan Defendan kerana nama Defendan jelas sekali wujud dalam geran hartanah tersebut. Merujuk kepada Nota Keterangan pada halaman ke-9, Plaintiff ada menyatakan bahawa “perjanjian jual beli  $\frac{1}{2}$  atas nama saya dan  $\frac{1}{2}$  atas nama defendan dan pinjaman dengan Maybank Islamic  $\frac{1}{2}$  kepada saya dan  $\frac{1}{2}$  kepada Defendan,” Keterangan ini menunjukkan bahawa terdapatnya dua nama pada hartanah tersebut rentetan daripada cadangan pihak bank yang mencadangkan untuk menggunakan nama Defendan sebagai pembeli hartanah tersebut oleh kerana Plaintiff dalam keterangan di halaman yang sama pada Nota Keterangan ada menyatakan bahawa “saya ada masalah Central Credit Reference Information System (CCRIS), ada banyak liabiliti.” Perkara yang ingin ditekankan oleh Mahkamah di sini ialah asbab kepada penggunaan nama Defendan dalam permohonan pinjaman bank tersebut telah menyebabkan pinjaman tersebut diluluskan oleh pihak bank. Terdahulu nama Plaintiff tidak boleh digunakan secara tunggal bagi tujuan pinjaman dengan pihak bank atas sebab yang telah dinyatakan dalam perenggan ini.

66. Pada penelitian Mahkamah, berdasarkan keterangan Plaintiff, Defendan dan saksi-saksi Plaintiff wujudnya sumbangan secara langsung mahupun secara tidak langsung dari pihak Defendan. Antaranya ialah seperti berikut:
- (a) Nama Defendan digunakan untuk tujuan pinjaman bank dan akibatnya terdapat nama Defendan pada surat cara dan geran hak milik. Memasukkan nama Defendan sebagai penama bersama dalam gerak hak milik hartanah tersebut merupakan salah satu sumbangan secara langsung daripada Defendan. Perkara ini diakui sendiri oleh Plaintiff dalam keterangannya. Pada halaman ke-9 Nota Keterangan, Plaintiff ada menyatakan “perjanjian jual beli  $\frac{1}{2}$  atas nama saya dan  $\frac{1}{2}$  atas nama Defendan, nama Defendan turut sama sebagai pemilik dan peminjam bersama.”
  - (b) Aset tersebut kemudiannya disewakan dan hasil sewaan digunakan untuk membayar pinjaman walaupun pada suatu ketika ketiadaan penyewa di hartanah tersebut. Perkara ini dirujuk daripada keterangan Plaintiff dan SP2. Perkara yang

ingin ditekankan di sini ialah Plaintiff ada mengakui bahawa terdapatnya bantuan daripada Defendan dalam proses mengutip sewaan bangunan tersebut walaupun bukannya secara berterusan. Sumbangan ini dikategorikan sebagai sumbangan secara tidak langsung daripada Defendan kerana telah membantu Plaintiff dalam mengutip sewaan bangunan tersebut.

67. Manakala berkaitan dengan dakwaan Plaintiff yang menyatakan bahawa masalah untuk mengguna nama Plaintiff secara tunggal dalam pembelian harta tersebut hanya terjadi pada permohonan pinjaman bagi bank CIMB dan tidak dengan Maybank Islamic Berhad. Tambahan pula, Plaintiff mendakwa bahawa Plaintiff berhasrat untuk mengeluarkan nama Defendan daripada pemilik hartanah tersebut namun dibatalkan niat tersebut atas alasan untuk menjaga air muka Defendan. Merujuk kepada Nota Keterangan pada halaman ke-10, Plaintiff ada menyatakan bahawa, “selepas balik ke Kemaman saya ada telefon Encik Wan Saharuddin, manager Maybank, kalau nak pinda nama kena rujuk ke Kuantan, pada masa tu memang saya nak pinda, tetapi masa tu saya simpati kepada Defendan takut Defendan jatuh air muka.” Namun keterangan tersebut sekadar dakwaan semata-mata kerana tidak dikemukakan saksi sebagaimana yang dijanjikan iaitu pegawai bank CIMB iaitu Encik Roslan dan Encik Zainuddin bagi Maybank Islamic Berhad untuk mengukuhkan dakwaan yang telah dinyatakan kepada Mahkamah.

68. **Selain daripada itu**, di dalam kes ini, saya berpendapat bahawa seksyen yang sepatutnya dirujuk adalah Seksyen 59 (3) dan (4) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang mana ada menyebut istilah “aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak.” Dalam isu ini Mahkamah akan meneliti harta yang dituntut berdasarkan persoalan-persoalan di atas dan bagaimana ia dibuktikan. Dalam kes ini, Plaintiff menuntut keseluruhan daripada tanah tersebut adalah terhak kepada Plaintiff kerana usaha tunggal Plaintiff. Harta tersebut adalah sebagaimana berikut :

**1. Hartanah yang berketerangan HSM XXX Lot XXX Mukim Cukai dan bangunan rumah kedai dua (2) tingkat diatasnya.**

69. Menurut keterangan Plaintiff, pada mulanya Plaintiff berhasrat untuk membeli hartanah tersebut dengan pemaju SEIE Jurubina Sdn. Bhd (No. Pendaftaran: 206036-W) pada awal bulan Julai 2008. Menurut Plaintiff lagi, perjanjian jual beli ditandatangani pada akhir bulan 7 tetapi membuat urusan mati setem pada 8 September 2008 sebagaimana dalam Perjanjian Jual Beli yang ditandakan sebagai ID 1 kerana dokumen asal dalam simpanan pihak bank. Harga pembelian hartanah tersebut adalah berjumlah RM418,000.00 dan mendapat pinjaman daripada Maybank Islamic Berhad sebanyak RM330,000.00 dan insuran sebanyak RM9,830.00. Baki beza antara harga hartanah dengan jumlah pinjaman adalah sebanyak RM88,000.00. Duit yang digunakan untuk membayar baki beza tersebut adalah dari sumber duit Plaintiff sendiri dan diuruskan oleh kerani Firma Guaman Plaintiff. Tambahan pula, Plaintiff ada menyatakan bahawa urusan jual beli bersama pemaju diuruskan oleh Plaintiff sendiri iaitu Plaintiff sebagai pembeli dan SEIE Jurubina Sdn. Bhd. Sebagai penjual hartanah tersebut. Menurut Plaintiff lagi, gadaian hartanah tersebut didaftarkan pada 12 Januari 2009 kepada pihak Maybank Islamic Berhad dan geran asal masih pada pihak Maybank yang ditandakan sebagai ID 4. Merujuk kepada Nota Keterangan, Plaintiff ada menyatakan bahawa “pinjaman ini dibuat untuk tempoh 20 tahun, baki hutang setakat hari ini, untuk setakat tahun 2016, baki hutang dengan Maybank Islamic Berhad adalah lebih kurang RM286,000.00.”
70. Plaintiff bertindak menyewakan hartanah tersebut yang terdiri daripada bangunan dua (2) tingkat. Merujuk kepada keterangan Plaintiff dalam Nota Keterangan pada halaman ke-9, Plaintiff ada menyatakan bahawa, “bayaran bulanan pinjaman ini dibuat dalam lebih kurang RM2310.00, kedai tersebut 2 tingkat atas dan bawah diberi sewa, sekarang kedai bawah adalah sebuah kedai makan *western food* sewa dalam RM2,400.00 sebulan manakala tingkat satu kepada Secret Recipe, sewa bulanan dalam RM900.00.” Menurut keterangan Plaintiff dalam Nota Keterangan

halaman ke-10 mendakwa bahawa, “pihak Defendan tidak ada sumbangan secara langsung, satu sen pun tidak pernah dan sekarang hutang ni masih mampu dibayar hasil duit sewa.”

71. Plaintiff dalam Pernyataan Tuntutannya mendakwa bahawa hartanah tersebut merupakan milikan tunggalnya dan bukannya harta sepencarian. Meskipun begitu, pada geran hartanah tersebut terdapat dua nama iaitu nama Plaintiff dan juga nama Defendan. Plaintiff mendakwa bahawa pemilikan kepada harta ini adalah hasil usaha dan sumbangan Plaintiff semata tanpa apa-apa sumbangan daripada Defendan. Namun, menurut keterangan Plaintiff, sebelum pinjaman diluluskan, Plaintiff telah dimaklumkan terlebih dahulu oleh pihak CIMB untuk memasukkan nama Defendan dalam borang pinjaman serta dalam perjanjian jual beli. Hal ini kerana, Plaintiff mempunyai masalah pada data CCRIS dan memerlukan untuk menggunakan nama Defendan supaya pinjaman tersebut mudah untuk diluluskan. Akibat daripada kelewatan maklum balas daripada pihak CIMB, Plaintiff mengambil keputusan untuk menghubungi pihak Maybank untuk membuat pinjaman dengan bank tersebut dan menawarkan pinjaman berjumlah RM330,00.00. Permohonan tersebut diluluskan atas dua nama iaitu nama Plaintiff dan Defendan.
72. Merujuk kepada keterangan Plaintiff dalam Nota Keterangan pada halaman ke-12 ada mendakwa bahawa, “sekiranya nama Defendan tidak dimasukkan dalam surat hartanah ini, S&P ini pun boleh dilaksanakan, masukkan nama Defendan kerana dinasihatkan begitu oleh CIMB kerana ada masalah pada CCRIS saya.” Plaintiff juga ada mendakwa bahawa, “tetapi untuk Maybank Islamic Berhad boleh masukan *loan*, Maybank kata boleh *loan* atas nama saya.” Oleh kerana itu, Plaintiff berhasrat bertindak untuk mengeluarkan nama Defendan dari geran hartanah tersebut namun niat tersebut terkubur kerana ingin menjaga air muka Defendan dan juga berkemungkinan akan dikenakan *late interest* oleh SEIE Jurubina Sdn. Bhd kerana urusan meminda surat tawaran daripada Maybank Islamic Berhad mengambil masa melebihi 3 bulan. Hasrat untuk mengeluarkan nama Defendan diceritakan oleh Plaintiff kepada Saksi Plaintiff Pertama (SP1) dalam kes ini. SP1 ada menyatakan

bahawa, “XYXY ni saya tahu dia mampu, sebab semasa dia beli kedai tu, dia tanya pendapat saya dan dia tiada hutang piutang lain kecuali kereta Honda dia sahaja.”

73. Saksi Plaintiff kedua (SP2) iaitu kerani akaun dan kerani *conveyancing* di Tetuan XXXX & Associates memberikan keterangan di Mahkamah. SP2 ada menyatakan berkaitan dengan pinjaman bank dengan menyatakan bahawa, “sebelum ni saya ada sedia perjanjian jual beli atas nama XYXY sahaja dengan kontraktor SEIE Jurubina Sdn. Bhd, masa tu untuk dapatkan pinjaman dengan CIMB dan pinjaman tersebut tidak diluluskan kerana masalah kereta jadi pegawai bank sarankan buat dua nama termasuk nama suami.” SP2 menyatakan bahawa urusan pinjaman dan gadaian diuruskan oleh Tetuan XXXX & Associates sepenuhnya bermula dari bayaran deposit, bayaran duti setem dan sebagainya.
74. Defendan dalam kes ini telah menanggung liabiliti terhadap pinjaman yang dibuat dengan pihak Maybank Islamic Berhad bagi proses pemerolehan hartanah tersebut kerana telah menggunakan nama Defendan untuk mendapatkan kelulusan pinjaman bank. Keterangan Defendan pada halaman ke-21 Nota Keterangan dirujuk dengan Defendan menyatakan bahawa, “cuma dia cakap untuk dapatkan kelulusan dia nak guna nama dan payslip saya sebab guna nama dia seorang dok lepas, semasa itu saya kerja di Schlumberger di Kemaman Supply Base tapi kerja di situ tidak lama mana dalam tahun yang sama resign, saya berhenti pun sebab alasan nak bantu pihak sana untuk jaga anak-anak yang masih kecil.” Defendan dalam Nota Keterangan pada halaman yang sama ada mendakwa bahawa, “saya mendapatkan penyewa-penyewa bagi tingkat atas dan tingkat bawah.”
75. Di sini Mahkamah berpendapat bahawa sesuatu harta tidak boleh dianggap menjadi hak milik tunggal semata-mata dengan mendapat nama di dalam geran tanah dan sebagainya, jika harta yang diperolehi semasa perkahwinan masih berterusan. Mahkamah merujuk kepada Kitab ‘al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siasah al-Syariyyah’ karangan Ibn Qayyim, halaman 17 menyebut :



ومن ذلك أن جمهور الفقهاء يقولون في تداعي الزوجين والصانعين لمتاع البيت والدكان : أن القول قول من يدل الحال على صدقه. والصحيح في هذه المسألة، أنه لا عبرة باليد الحسية، بل وجودها كعدمها ولو اعتبرناها لا اعتبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى رأسه عمامة، واخر خلفه حاسر الرأس ونحن نقطع بأن يده ظالمة عادية، فلا اعتبار لها

Terjemahannya : *“Di antaranya ialah di kalangan ahli perundangan Islam telah sepakat berpendapat bahawa di dalam kes tuntutan antara suami isteri yang sama-sama berusaha dalam mendapatkan harta rumah tangga dan berkedai, tuntutan sedemikian hendaklah diterima berdasarkan keterangan yang membuktikan tuntutan itu.”*

76. Sebenarnya dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta itu tidak dikira hanya semata-mata berdasarkan nama yang tertera di dalam harta itu. Setakat nama yang tertera di dalam sesuatu harta itu belum tentu membuktikan pemilikannya. Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambil kira hak milik sesuatu harta semata-mata mengikut nama yang tertera di dalam harta itu, nescaya serban yang dipakai di kepala seseorang yang merampas serban kepunyaan orang lain akan dikira sebagai serban kepunyaan perampas itu, sedangkan pengiktirafan yang sedemikian adalah suatu kezaliman dan tidak diambil kira.
77. Fakta yang tidak dipertikaikan oleh Plaintiff dan Defendan adalah bahawa Plaintiff dan Defendan berkahwin mengikut Hukum Syarak pada 25 Disember 2005 dan telah bercerai pada 20 Julai 2015. Nama Defendan terdapat pada geran dan Perjanjian Jual beli hartanah tersebut dan harta tersebut dibeli dalam tempoh perkahwinan Plaintiff dan Defendan.
78. Dengan ini Mahkamah menyatakan bahawa Plaintiff telah gagal membuktikan fakta dan memberi keterangan atas dakwaannya ke atas hartanah yang berketerangan HSM XXX Lot XXX Mukim Cukai dan bangunan rumah kedai dua (2) tingkat di atasnya ini adalah harta usaha tunggalnya namun sekiranya dilihat dari sudut pandang Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017

yang dibaca bersama dengan seksyen 59 di mana takrifan harta sepencarian boleh wujud dalam keadaan apabila harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak dengan usaha bersama mereka, adalah lebih bersesuaian. Tambahan pula, Plaintiff dalam keterangannya telah menyatakan suatu keterangan yang menentang diri Plaintiff sendiri seolah-olah menidakkan tuntutan sendiri.

79. Dari segi sumbangan pihak-pihak, setelah meneliti keterangan Plaintiff dan Defendan, Mahkamah berpuas hati bahawa sumbangan Plaintiff dalam usaha pemilikan hartanah tersebut berbentuk wang tunai untuk bayaran deposit, bayaran baki beza dan bayaran bulanan pinjaman tersebut adalah dengan menggunakan wang Plaintiff sendiri. Manakala usaha atau sumbangan Defendan secara langsung dengan membenarkan namanya dimasukkan sebagai peminjam bagi pinjaman dengan Maybank Islamic Berhad sudah memadai menunjukkan bahawa harta tersebut bukannya harta milikan tunggal. Namun dalam keterangan Defendan yang menyatakan ada membantu Plaintiff mencari penyewa bagi hartanah tersebut, Defendan tidak mendatangkan bukti yang kukuh sama ada saksi dan sebagainya.

Setelah saya meneliti keterangan Plaintiff, saksi-saksi Plaintiff, keterangan Defendan dan Hujahan Bertulis pihak-pihak maka Mahkamah membuat keputusan sebagaimana berikut:

#### **PERINTAH MAHKAMAH**

1. **SAYA TIDAK MELULUSKAN** tuntutan berkenaan harta mutlak Plaintiff, XYXY (K/P: 690218-11-XXXX) terhadap tanah berketerangan HSM XXX, Lot XXX Mukim Chukai berserta bangunan rumah kedai (2) tingkat di atasnya (“hartanah tersebut”).
2. **SAYA MENGISYTIHARKAN** bahawa hartanah tersebut adalah harta sepencarian di antara Plaintiff, XYXY (K/P: 690218-11-XXXX) dan Defendan, YYYY (K/P: 730924-11-XXXX).

3. **SAYA PERINTAHKAN** bahawa Plaintiff, XYXY (K/P: 690218-11-XXXX) berhak sebanyak 5/6 bahagian daripada bahagian atau nilai semasa hartanah tersebut manakala Defendan, YYYY (K/P: 730924-11-XXXX) berhak sebanyak 1/6 bahagian daripada bahagian atau nilai semasa harta tersebut.
  
4. **SAYA PERINTAHKAN** Pentadbir Tanah Daerah Kemaman mendaftarkan 5/6 bahagian hartanah tersebut kepada Plaintiff, XYXY (K/P: 690218-11-XXXX) dan 1/6 bahagian hartanah tersebut kepada pihak Defendan, YYYY (K/P: 730924-11-XXXX) dalam masa 30 hari setelah tamatnya pembiayaan dengan pihak Maybank dan surat discaj diperolehi.